



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM



## KENYATAAN MEDIA

### JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

14 SEPTEMBER 2023

#### PERMULAAN FASA PERALIHAN MONSUN

Fasa Peralihan Monsun dijangka bermula pada 19 September 2023 dan berterusan sehingga November 2023. Permulaan fasa ini menandakan berakhirnya Monsun Barat Daya yang telah bermula sejak 15 Mei 2023.

Semasa fasa Peralihan Monsun, rantaui negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah yang kondusif untuk kejadian ribut petir yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat. Kejadian ini berlaku terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di negeri-negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah serta barat dan tengah Sarawak. Keadaan cuaca ini berpotensi menyebabkan banjir kilat serta kerosakan pada struktur yang tidak kukuh.

Orang ramai dinasihatkan untuk lebih berwaspada ketika tempoh ini dan sentiasa peka dengan ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia melalui laman web rasmi, aplikasi mobil myCuaca dan media sosial rasmi Jabatan. Orang ramai juga boleh menghubungi Hotline Jabatan 1-300-22-1638 bagi sebarang pertanyaan lanjut.

**Sumber:**

**Ketua Pengarah**

**Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)**

**Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim**

**14 September 2023, 12.15 tengah hari**



[www.met.gov.my](http://www.met.gov.my)



[mygempa.met.gov.my](http://mygempa.met.gov.my)



[rakanmet.met.gov.my](http://rakanmet.met.gov.my)



1-300-22-1638



[malaysiamet](#)



[metmalaysia](#)

[metmalaysia](#)

[MET malaysian](#)



[myCuaca](#)